

NAMA : _____
TINGKATAN : _____



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang

MODUL PERCUBAAN SPM TAHUN 2026
TASAWWUR ISLAM 5226

JULAI
2 jam 30 minit

Untuk kegunaan pemeriksa	
BAHAGIAN A	/20
BAHAGIAN B	
SOALAN 1	/20
SOALAN 2	/20
SOALAN 3	/20
SOALAN 4	/20
SOALAN 5	/20
SOALAN 6	/20
JUMLAH	/100

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis **nama** dan **tingkatan** anda pada ruangan yang disediakan.
2. Kertas ini mengandungi **dua** bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
3. Jawab **semua** soalan dalam **Bahagian A** dan mana-mana **empat** soalan pada **Bahagian B**.
4. Tuliskan jawapan anda untuk **Bahagian A** dan **Bahagian B** di dalam kertas soalan ini.

Kertas peperiksaan ini mengandungi **14** halaman bercetak.

Bahagian A
(20 markah)
Jawab semua soalan.

Soalan 1 hingga soalan 4

Gariskan istilah yang **betul** bagi pernyataan berikut berdasarkan pilihan jawapan yang disediakan.

No. Soalan	Pernyataan	Pilihan Jawapan
1.	Prinsip moral atau nilai-nilai akhlak yang menjadi pegangan seseorang individu atau sesuatu kumpulan manusia.	Adab / Etika / Budaya
2.	Jual beli sesuatu barangan dengan maklumat harga kos bersama-sama tambahan margin keuntungan.	Al-Musyarakah / Al-Murabahah / Al-Mudarabah
3.	Pada peringkat ini, alaqah akan menjadi seketul daging lalu terbentuk tangan, kepala, kaki dan tulang rusuk.	Nutfah / Mudghah / Janin
4.	Manusia berikrar dan mengakui akan keesaan Allah SWT.	Alam roh / Alam rahim / Alam dunia

(4 markah)

Soalan 5 hingga soalan 8

Lengkapkan pernyataan berikut dengan pilihan jawapan yang **betul**.

Al- Rahnu	Ibadah Khusus	Anak yatim	Kapitalis
Al-Bai' Bithaman Ajil	Ibadah Umum	Muallaf	Sosialis

5. Bekerja dan belajar merupakan fardu ain yang termasuk dalam kategori _____.
6. Al-Ijarah dan _____ mempunyai persamaan daripada aspek membantu orang yang memerlukan pembiayaan tunai segera atau perkhidmatan dalam sistem muamalat Islam.
7. Dalam sistem ekonomi _____ keperluan individu akan ditentukan oleh tahap dan mutu kerja yang telah disumbangkannya.
8. _____ adalah termasuk dalam kelompok asnaf yang berhak menerima zakat.

(4 markah)



Soalan 9 hingga soalan 12

Lengkapkan jadual di bawah dengan jawapan yang **betul**.

Prinsip Pandangan Hidup Islam	
Jawapan	Pernyataan
P	Ketuhanan iaitu segala hukum, konsep, prinsip, nilai dan peraturan yang terkandung dalam Islam adalah bersumberkan wahyu Allah SWT.
Q	Luwes atau anjal iaitu boleh berubah mengikut kesesuaian, namun masih tetap pada prinsip asasnya.

9. **P** ialah _____

10. **Q** ialah _____ (2 markah)


Jenis Kesalahan dan Hukuman Hudud	
Kesalahan	Hukuman Hudud
R	Merampas harta tanpa membunuh: Tangan dan kaki dipotong secara bersilang.
Qazaf	Disebat 80 kali.
S	Dibunuh. Hukuman bunuh hanya diputuskan oleh pemerintah Muslim setelah pelaku enggan bertaubat apabila diminta.

11. **R** ialah _____

12. **S** ialah _____ (2 markah)

Soalan 13 dan soalan 14

Lengkapkan carta di bawah dengan jawapan yang **betul** mengenai amalan berkaitan akidah.




13. **T** ialah _____

14. **U** ialah _____

(2 markah)

Soalan 15 dan soalan 16

Lengkapkan carta di bawah dengan jawapan yang **betul** berkaitan prinsip negara Islam.



15. **V** ialah _____

16. **W** ialah _____

(2 markah)

Soalan 17 hingga soalan 20

Tandakan (/) pada pernyataan yang **betul** dan (x) pada pernyataan yang **salah**.

- | | |
|--|--------------------------|
| 17. Betulkan niat mengadakan program untuk mendapatkan kepuasan hati pelanggan adalah antara garis panduan hiburan menurut Islam. | ☐ |
| 18. Membayar 100 ekor unta ditanggung oleh waris pembunuh dan boleh dibayar secara beransur-ansur selama tiga tahun tanpa dibahagikan kepada lima jenis unta adalah jenis diat ringan. | ☐ |
| 19. Hakikat manusia sebagai hamba Allah SWT bukanlah satu penghinaan sebaliknya satu kemuliaan. | ☐ |
| 20. Piagam Madinah yang diasaskan oleh Nabi Muhammad SAW merupakan perlembagaan bertulis pertama di dunia yang mengandungi 47 fasal. | ☐ |

(4 markah)

Bahagian B
[80 markah]

Jawab **empat** soalan sahaja.

1. (a)

Kepentingan rukun Islam ialah dapat menjamin hubungan baik antara manusia dengan Allah SWT.

Berdasarkan pernyataan ayat di atas, nyatakan **empat** rukun Islam selain dari mengucapkan dua kalimah syahadah. [4 markah]

(b)

Manusia wajib percaya dan yakin akan kewujudan perkara ghaib yang dikhabarkan oleh para nabi dan rasul.

i. Senaraikan **dua** contoh perkara ghaib yang akan dilalui oleh manusia di hari akhirat. [2 markah]

ii. Berdasarkan pernyataan di atas, bagaimanakah keimanan kepada alam barzakh dapat mendorong seseorang melakukan amal soleh? Bincangkan. [4 markah]



(c)

Sabda Rasulullah SAW:

مَا أَكَلَ أَحَدٌ طَعَامًا قَطُّ خَيْرًا مِنْ أَنْ يَأْكُلَ مِنْ عَمَلٍ يَدِهِ، وَإِنَّ نَبِيَّ
اللَّهِ دَاوُدَ عَلَيْهِ السَّلَامُ كَانَ يَأْكُلُ مِنْ عَمَلٍ يَدِهِ

Ertinya: "Tidak ada sesuatu yang dimakan oleh seseorang yang lebih baik daripada apa-apa yang dimakan daripada usaha tangannya sendiri, dan sesungguhnya Nabi Daud a.s makan daripada usahanya tangannya sendiri."

(Riwayat al-Bukhari)

i. Nyatakan maksud pekerjaan menurut Islam.

[2 markah]

ii. Jelaskan **dua** sebab Islam menuntut umatnya bekerja.

[4 markah]

(d) Terangkan **dua** kesan mengabaikan pelaksanaan sistem ekonomi Islam.

[4 markah]

2. (a) i. Nyatakan maksud insan.

[2 markah]

ii. Jelaskan **dua** kepentingan memelihara fitrah kejadian manusia. [4 markah]

iii. Terangkan **dua** kepentingan melaksanakan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah SWT dari aspek sosial. [4 markah]

(b) i. Nyatakan maksud perundangan Islam. [2 markah]

ii. Jelaskan kesan pengabaian pelaksanaan sistem perundangan Islam. [2 markah]

(c)

Gejala minum arak merupakan salah satu punca berlakunya jenayah-jenayah lain seperti rogol dan bunuh

Huraikan cara Islam menyelesaikan masalah di atas.

[6 markah]

3. (a) i. Apakah maksud sistem sosial Islam?

[2 markah]

Dalam sesebuah masyarakat, terdapat jurang yang besar antara golongan kaya dan miskin sehingga menimbulkan perasaan iri hati dan peningkatan kadar jenayah.

ii. Berdasarkan situasi di atas, bagaimanakah pengamalan sistem sosial Islam dapat mengatasi masalah tersebut demi mencapai matlamat kesejahteraan hidup? Huraikan.

[4 markah]



- (b) Jelaskan **dua** cara mewujudkan tafahum dalam pergaulan. [4 markah]

- (c) i. Senaraikan **dua** ciri pentadbir dan pengurus yang baik. [2 markah]

- ii. Terangkan **dua** kepentingan melaksanakan tadbir urus Islam terhadap sesebuah organisasi. [4 markah]

- (d)

Kelab Pendidikan Islam sekolah merancang untuk mengadakan program besar, namun terdapat percanggahan pendapat yang hebat antara ahli jawatankuasa mengenai pemilihan aktiviti.

- Berdasarkan prinsip Syura, cadangkan langkah strategik yang perlu diambil oleh pengurus kelab untuk mencapai keputusan yang harmoni. [4 markah]

4. (a) i. Senaraikan **dua** ciri akhlak menurut Islam. [2 markah]

- ii. Jelaskan **dua** cara memupuk akhlak mulia dalam kehidupan. [4 markah]

- (b) Terangkan **dua** keistimewaan prinsip pandangan hidup Islam. [4 markah]

- (c) Jelaskan **dua** langkah yang boleh diambil bagi menggalakkan masyarakat bermuamalat dengan muamalat Islam. [4 markah]

(d)



i. Nyatakan jenis sistem muamalat Islam yang boleh membantu jika anda ingin membeli rumah. [1 markah]

ii. Pada pandangan anda, huraikan kelebihan jika anda menyewa rumah sahaja tanpa membelinya. [5 markah]

5. (a) i. Nyatakan maksud akal. [2 markah]

ii. Terangkan keistimewaan al-Quran. [2 markah]

(b)



Berdasarkan keratan akhbar di atas, huraikan tanggungjawab anda sebagai khalifah Allah SWT dalam memelihara dan memulihara alam. [6 markah]

(c) i. Nyatakan **dua** matlamat sistem kehakiman Islam. [2 markah]

ii. Jelaskan **dua** jenis hukuman jenayah dalam Islam beserta contohnya. [4 markah]

- (d) Cadangkan **dua** cara anda menjauhkan diri daripada perbuatan jenayah. [4 markah]

6. (a) Senaraikan **empat** garis panduan hiburan menurut Islam. [4 markah]

- (b) i. Terangkan **dua** adab dan etika kesenian Islam. [4 markah]

- ii. Berikan **dua** contoh kesenian yang dibenarkan dalam Islam. [2 markah]

- (c) Jelaskan **dua** syarat untuk menjadi khalifah. [4 markah]

(d)



Mengamalkan sikap hormat-menghormati terhadap satu sama lain tanpa mengira bangsa dan agama.

- i. Berdasarkan gambar dan pernyataan di atas, jelaskan kelebihan mengamalkan sikap di atas. [2 markah]

- ii. Ramalkan kesan yang akan berlaku sekiranya sikap tersebut tidak diamalkan oleh sesebuah masyarakat. [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

